

12/12/1997

Dunia Islam wajar perjuang nasib hawa

MEMANDANGKAN 900 juta wanita adalah mereka yang miskin tegar, masa sudah sampai bagi dunia Islam bersatu padu bagi meningkatkan taraf wanita, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Katanya, perpaduan ummah penting sekali kerana secara bersama kita dapat menyokong dan menggalakkan usaha untuk menangani dan menyelesaikan banyak masalah berhubung wanita dan kanak-kanak.

Dalam menggesa masyarakat Islam sedunia berusaha mencapai keamanan, persahabatan dan muhibbah, beliau berkata, mereka tidak lagi boleh mengasingkan diri antara satu sama lain kerana dunia sedang menjadi semakin kecil melalui pengangkutan dan komunikasi canggih.

"Kita bersimpati dengan negara-negara antara kita yang kurang bernasib baik dari segi kestabilan politik dan sosioekonomi," kata Siti Hasmah ketika berucap pada Bengkel Mikro Kredit di Teheran semalam. Ucapan beliau dikeluarkan di Kuala Lumpur.

Bengkel itu dihadiri oleh wanita pertama dari negara yang menyertai Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) di Iran. Siti Hasmah mengiringi suaminya Datuk Seri Dr Mahathir ke sidang kemuncak itu.

Ramai di kalangan saudara-saudara kita yang tidak bernasib baik seperti kita, yang akibat daripada bencana alam, peperangan dan jangkitan penyakit dan ketidakstabilan sosioekonomi, hidup dalam keadaan miskin melarat.

"Kita tidak seharusnya melihat saja penderitaan mereka dan keluarga mereka," katanya.

Menurutnya, statistik menunjukkan sejumlah 1.3 bilion penduduk miskin tegar hidup dengan kurang AS\$1 (RM3.60) sehari, setengah bilion tinggal di Asia.

Siti Hasmah berkata, adalah penting kerajaan dan badan bukan kerajaan memberi perhatian kepada keadaan wanita luar bandar dan memulakan usaha untuk membantu dengan program mikro kredit.

Beliau berkata, program mikro kredit yang dimulakan oleh Malaysia yang diberi nama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sudah berjaya dengan 37 cawangan dibuka di seluruh negara setakat Ogos lalu.

"AIM yang mempunyai 47,783 anggota seratus peratus dari luar bandar sudah mengeluarkan pinjaman sebanyak AS\$64 juta (RM230 juta) dengan kadar pembayaran balik sebanyak 99.5 peratus.

"Kesan sistem mikro kredit ke atas keluarga miskin baik sekali. Ia bukan saja membantu dari segi pinjaman dan bekerja sendiri, malah memberi peminjam wanita itu keyakinan dan kehormatan diri." - Bernama

(END)